



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
SEMENANJUNG MALAYSIA
(LAND SURVEYORS BOARD)**

RUJUKAN TUAN :

RUJUKAN KAMI : LJT 6 Pt.7/(12)

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

NO. 2735 TINGKAT SATU
JALAN PERMATA EMPAT
TAMAN PERMATA ULU KELANG
53300 KUALA LUMPUR
Tel : 03-41085191
Fax : 03-41085178

Semua Jurukur Tanah Berlesen

Tuan,

PEKELILING LEMBAGA JURUUKUR TANAH BIL. 4/2000

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PRAKTIS OLEH JURUUKUR
TANAH BERLESEN (JUBL) DI BAWAH AKTA JURUUKUR TANAH
BERLESEN 1958 (DISEMAK 1991)**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menjelaskan peraturan bagi permohonan oleh Jurukur Tanah Berlesen (JUBL) untuk memperbaharui lesen praktis tahunan sepertimana diperuntukkan dalam seksyen 10(2) Akta JUBL 1958 (Disemak 1991)

2. LATAR BELAKANG

Mengikut amalan sekarang, JUBL akan mengemukakan permohonan pembaharuan lesen praktis hanya apabila menerima surat peringatan daripada Lembaga Jurukur Tanah (LJT). Bagaimanapun amalan sedemikian

adalah tidak selaras dengan kehendak seksyen 10(2) Akta JUBL 1958 (Disemak 1991) yang memerlukan JUBL sendiri membuat permohonan sepertimana yang dikehendaki kepada LJT.

3. PROSIDUR PERMOHONAN

Bagi memenuhi kehendak seksyen 10(2) Akta JUBL 1958 (Disemak 1991), LJT menetapkan supaya permohonan memperbaharui lesen praktis dibuat oleh JUBL kepada LJT seperti berikut :

- 3.1 JUBL dikehendaki mengemukakan permohonan kepada LJT;
- 3.2 Permohonan kepada LJT hendaklah dibuat sebelum 1 haribulan Febuari setiap tahun sepertimana termaktub dalam seksyen 8(6) Akta JUBL 1958 (Disemak 1991)
- 3.3 Sijil Akuan Berkanun menurut Jadual dalam Akta JUBL 1958 (Disemak 1991) dengan pengesahan tertakluk kepada peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 (Akta 13) disertakan bersama-sama dengan permohonan;
- 3.4 Yuran yang ditetapkan dalam jadual 12 di bawah Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen, 1959. Kegagalan mematuhi peruntukan yang telah ditetapkan seperti di atas akan menyebabkan lesen praktis tidak akan dikeluarkan oleh LJT.

4. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"



(HAMID BIN ALI, KMN, PMC, PJC)

Pengerusi
Lembaga Juruukur Tanah
Semenanjung Malaysia